



SIARAN MEDIA PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG TAHUN 2021

MPS pada hari ini telah melancarkan Konvoi Serahan Sumbangan sempena Program Masih Ada Yang Sayang Tahun 2021 di Perkarangan Lobi Menara MPS.

Program pada hari ini merupakan program tahunan yang diadakan bagi menyantuni golongan anak yatim, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dalam meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh pusat-pusat jagaan di sekitar pentadbiran Selayang. Pasukan konvoi MPS ini telah menyerahkan sumbangan wang tunai berjumlah RM1,500 dan barangan keperluan kepada setiap 10 buah pusat jagaan dan rumah anak yatim, warga emas dan OKU yang melibatkan seramai 408 orang penghuni yang berada di 9 DUN di bawah pentadbiran MPS.

Pada program ini, sebanyak 7 buah kenderaan telah membawa sumbangan keperluan dengan diketuai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS bersama Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Timbalan Yang Dipertua MPS.

Tuan Yang Dipertua bersama Timbalan Yang Dipertua serta Tuan Deveandran A/L Selvaraju, Ahli Majlis Zon 7 MPS dan Encik Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat telah membuat serahan sumbangan kepada Encik Henry Sandanam, Pengasas dan Pengerusi Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Batu Caves. Tuan Yang Dipertua juga turut dibawa melawat kawasan sekitar bagi melihat aktiviti dan kegiatan yang dijalankan oleh penghuni pertubuhan. Untuk makluman, pada masa yang sama, penyerahan sumbangan kepada 9 buah pusat jagaan yang lain telah disempurnakan oleh Ahli-Ahli Majlis kawasan bersama kakitangan MPS.

MPS berharap penyerahan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban serta membantu daripada aspek kebajikan para penghuni pusat jagaan anak yatim, warga emas dan OKU terutamanya ketika menghadapi endemiK COVID-19.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:
En Mohamad Zin bin Masoad A.M.S
Pengarah
Jabatan Korporat

B.P Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang
24 November 2021